

NO. SOALAN : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN KHOO SOO SEANG
[TEBRAU]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan usaha Kementerian untuk menggalakkan kemajuan dan perkembangan seni-seni Malaysia dengan bantuan para usahawan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini bagi menggalakkan kemajuan dan perkembangan seni-seni Malaysia adalah seperti berikut:

- (1) Melaksanakan program pengembangan dan penggalakan aktiviti kesenian di peringkat sekolah, institusi pendidikan tinggi dan komuniti seperti bengkel, ceramah, pertandingan dan program kejurulatihan;
- (2) Menubuhkan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) yang menawarkan kursus dalam bidang seni budaya dan industri kreatif di peringkat Sarjana Muda dan Diploma;
- (3) Perpustakaan Negara Malaysia telah menyediakan Dana Pembelian Terus Buku-Buku Karya Penulis Tempatan berjumlah RM2 juta setahun untuk menggalakkan masyarakat terutama golongan muda untuk menceburkan diri dalam bidang penulisan;
- (4) Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara telah melaksanakan program-program bagi mengasah bakat golongan muda seperti Bintang Asli Remaja, Permata Seni, Koir Kebangsaan, Kelab Tunas Budaya (Sekolah Rendah), Kelab Giat Budaya (Sekolah Menengah) dan Kelab Siswa Budaya (institusi pengajian tinggi);

- (5) Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) telah berkolaborasi bersama 1,049 orang usahawan kraf tempatan bagi melaksanakan aktiviti pembangunan produk, aktiviti pemasaran dan promosi, pembangunan usahawan kraf dan pemuliharaan kraf. Usahasama ini dapat membantu membangunkan produk baru yang berinovasi ditawarkan di pasaran dengan harga yang lebih kompetitif untuk memastikan industri ini terus berkembang dan berterusan. Sehingga 31 Ogos 2016, nilai jualan keseluruhan kraf yang berjaya dijana adalah sebanyak RM331.4 juta; dan
- (6) Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara menyediakan latihan serta kemahiran mengenai pengurusan seni kepada penggiat seni dan para pelukis ke arah melahirkan pelukis profesional dan memiliki kemahiran pelbagai, berpengetahuan dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
TARIKH : 14.11.2016
SOALAN : NO.34

Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan insentif dan anugerah tertentu kepada atlet negara yang bergelar mahasiswa universiti awam dan nyatakan jumlah terkini atlet mahasiswa yang mewakili negara di peringkat antarabangsa mengikut bidang sukan di seluruh universiti awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi amat komited dalam membangun dan membudayakan sukan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi telah dijadikan panduan asas untuk membangun dan mengembangkan bakat pelajar. Sasaran Dasar ini adalah untuk melahirkan 30% atlet negara dari kalangan pelajar-pelajar IPT.

Antara inisiatif yang terkandung di bawah dasar ini adalah:

- a) menyediakan kemudahan kemasukan khas kepada atlet negara yang berpotensi dengan melepasi syarat/ kriteria minimum bagi membolehkan mereka menyambung pengajian ke IPT;
- b) menawarkan Biasiswa Sukan kepada atlet-atlet IPT yang berkelayakan. Sehingga kini seramai 1,454 orang pelajar yang telah dan sedang menerima kemudahan ini;
- c) menyediakan kemudahan bimbingan khas kepada pelajar yang tertinggal pelajaran sewaktu mengikuti kejohanan kebangsaan atau antarabangsa;

- d) memberi kelonggaran kepada atlet pelajar untuk membuat penangguhan dan pelanjutan tempoh pengajian bagi memudahkan mereka merancang jadual pengajian yang sistematik seiring dengan penglibatan sukan mereka;
- e) memberi peluang kepada atlet negara yang berada di IPT menyertai kejohanan tertinggi peringkat IPT termasuk Sukan Universiti Dunia (*UNIVERSIADE*), *World University Championship (WUC)* dan Sukan Universiti ASEAN; dan
- f) menggalakkan universiti mengambil inisiatif sendiri untuk memikat atlet pelajar berprestasi tinggi melanjutkan pengajian di institusi mereka dengan pemberian insentif, kemudahan sukan dan pembelajaran yang fleksibel.

Sehingga kini, program yang dilaksanakan telah berjaya mencapai matlamat penyertaan atlet IPT melebihi 30% dari kalangan atlet negara. Pada tahun 2016, seramai 11 orang pelajar dari 32 atlet (34 peratus) yang layak ke Olimpik Rio adalah pelajar IPT. Selain daripada itu, seramai 21 (33 peratus) dari 64 atlet yang tersenarai di bawah Program Podium adalah atlet universiti.

Antara lain-lain kejohanan dan pencapaian yang telah dirangkul adalah:

- a) Sukan Universiti ASEAN (SUA), Singapura 2016
Kejohanan ini telah berlangsung pada 10 hingga 19 Julai 2016. Kontinjen Malaysia dengan kekuatan seramai 286 orang atlet pelajar dan pegawai telah berjaya menduduki tangga ketiga dalam carta pungutan pingat keseluruhan kejohanan melalui pencapaian 27 pingat emas, 30 pingat perak dan 34 pingat gangsa.
- b) *WORLD UNIVERSITY CHAMPIONSHIP (WUC) 2016*
WUC merupakan kejohanan dwitahunan anjuran *International University Sports Federation (FISU)* berselang-seli dengan penganjuran Sukan Universiti Dunia atau *UNIVERSIADE*. Malaysia berjaya mendapat pingat di 3 kejohanan daripada 9 kejohanan yang disertai.

i. *10th World University Archery Championship*

Kejohanan ini telah berlangsung pada 2 hingga 5 Julai 2016 di Ulaanbaatar, Mongolia. Kontinjen Malaysia seramai 12 orang atlet pelajar telah berjaya meraih 1 pingat Gangsa melalui acara *Mixed Compound* menerusi saudari Fatin Nurfatehah Mat Salleh (Universiti Sains Malaysia) dan saudara Mohd Juwaidi Mazuki (KK Kuala Langat).

ii. *9th World University Squash Championship*

Kejohanan ini telah berlangsung pada 5 hingga 11 September 2016 di Bukit Jalil, Malaysia. Kontinjen Malaysia seramai 5 orang atlet pelajar telah berjaya meraih 2 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa.

Pingat emas pertama telah disumbangkan oleh saudari Low Wee Wern (Kolej Damansara Utama). Pingat emas seterusnya telah berjaya diraih oleh saudara Sanjay Singh Chal (Universiti Malaya), saudara Muhammad Addeen Idrakie (Universiti Malaya), saudara Ivan Yuen Chee Wern (Universiti Putra Malaysia), saudari Nazihah Binti Abd Razak (Kolej Universiti Islam Antarabangsa) dan saudari Low Wee Wern (Kolej Damansara Utama). Pingat perak disumbangkan melalui acara Individu Lelaki menerusi saudara Ivan Yuen Chee Wern (Universiti Putra Malaysia) dan satu lagi pingat Gangsa melalui acara Individu Wanita yang dimenangi oleh saudari Nazihah Binti Abd Razak (Kolej Universiti Islam Antarabangsa).

iii. *14th World University Badminton Championship*

Kejohanan ini telah berlangsung pada 12 hingga 18 September 2016 di Ramenskoe, Russia. Kontinjen Malaysia seramai 11 orang atlet pelajar telah berjaya meraih 2 pingat perak dan 2 pingat gangsa. Pingat perak pertama melalui acara Perseorangan Lelaki menerusi saudara Zulfadli Zulkifli (Universiti Teknologi MARA). Pingat perak seterusnya diperoleh melalui acara Beregu Campuran menerusi gandingan saudara Mohd Lutfi Zaim Abdul Khalid (Universiti Malaya) dan saudari Shevon Lai Jemie (Universiti Malaya). Pingat Gangsa turut disumbangkan melalui acara yang sama menerusi gandingan kedua oleh saudara Nur Mohd Azriyn Ayub (Universiti Malaya) dan saudari Chow Mei Kuan (Universiti

Malaya). Pingat gangsa seterusnya dimenangi oleh saudari Chow Mei Kuan dan Goh Yea Ching (Universiti Malaya) melalui acara Beregu Wanita.

c) Kejohanan Sukan SEA Ke-28, Singapura 2015

Seramai 197 (31%) atlet IPT dari 641 jumlah keseluruhan atlet negara telah menyertai kejohanan ini dan berjaya menyumbang 95 (51%) dari 186 pungutan pingat keseluruhan untuk negara. Atlet IPT berjaya memperoleh 34 pingat emas, 29 pingat perak dan 32 gangsa.

d) Kejohanan Sukan Universiti Dunia (*UNIVERSIADE*) di Gwangju, Korea 2015

Kejohanan berprestij ini telah diadakan pada 3 hingga 14 Julai 2015. Seramai 111 atlet pelajar telah mewakili Malaysia. Atlet pelajar Malaysia telah berjaya membawa pulang 2 pingat gangsa melalui sukan badminton.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini seramai 240 atlet pelajar yang masih aktif mewakili negara di kejohanan/ temasya sukan utama dunia.